



JABATAN PEGUAM NEGARA, MALAYSIA
(ATTORNEY-GENERAL'S CHAMBERS, MALAYSIA)
ARAS 1-8, BLOCK C3
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

Tel : 03-8885 5000
Fax : 03-8888 9362/9363

Ruj. Tuan: POL/R/13 Jld. 2
Ruj. Kami: JPN(R) 136/4/2
Tarikh : 14 Februari 2003

Ketua Pengarah Penilaian
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan Malaysia
Tingkat 20, Wisma Cyclecarri
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur.
(U.P. Y. Bhg. Dato' Mani Usilappan
Timbalan Ketua Pengarah Penilaian II)

Y. Bhg. Dato',

Pendapat Undang-Undang Mengenai –
Tuntutan Assessor Untuk Kes-Kes Pengambilan Tanah di Bawah Akta
Pengambilan Tanah 1960

Perkara di atas dirujuk .

2. Diperhatikan bahawa persoalan yang dibangkitkan ialah sama ada seseorang assessor boleh membuat apa-apa tuntutan lain selain daripada yuran sebanyak RM500.00 yang diperuntukkan kepada seorang penilai swasta yang dilantik sebagai assessor untuk menghadiri prosiding di Mahkamah Tinggi dan mendengar kes-kes pengambilan tanah.

3. Pendapat Jabatan ini mengenai persolan tersebut adalah seperti berikut:

3.1 Seksyen 40B(1) Akta Pengambilan Tanah 1960 (selepas ini sebut sebagai "Akta") memperuntukkan –

"(1) Every person appointed as an assessor under section 40A shall be legally bound to attend and serve as an assessor unless excused for some reason to be approved by the Judge."



- 3.2 Peruntukan di atas dengan jelas mewajibkan seseorang penilai yang dilantik sebagai assessor untuk hadir dan bertugas sebagai assessor melainkan mendapat pengecualian daripada Hakim.
- 3.3 Seksyen 40B(5) dan (6) Akta pula memperuntukkan –
- “(5) Every assessor who is not a valuation officer employed by the Government shall receive a fee for his service as the Judge shall direct provided that such fee shall not exceed five hundred ringgit a day, or such higher figure as the Minister may, with the approval of the National Land Council, by notification in the Gazette prescribe.*
- (6) The fee of an assessor shall be deemed to be costs in the proceeding.”*
- 3.4 Dari kedua-dua peruntukan di atas, adalah jelas bahawa –
- 3.4.1 seseorang penilai swasta yang dilantik sebagai assessor hanya layak diberi fi perkhidmatannya untuk sejumlah tidak melebihi RM500.00 sehari.
- 3.4.2 Apa yang perlu difahami di sini ialah bahawa jumlah fi sebanyak RM500.00 bukanlah suatu jumlah yang tetap, tetapi hanya merupakan siling (ceiling) fi yang boleh diberikan. Dalam ertikata lain fi tersebut boleh dibayar walau pun mungkin kurang daripada RM500.00.
- 3.4.3 tiada peruntukan lain selain dari peruntukan subseksyen (6) yang membolehkan tuntutan lain dibuat.
- 3.4.4 pembayaran fi itu adalah secara sekaligus (lump sum) untuk sekali kehadiran.

- 3.4.5 jumlah fi yang melebihi RM500.00 hanya boleh diberikan sekiranya suatu penetapan untuk suatu jumlah yang melebihi RM500.00, dengan persetujuan Majlis Tanah Negara, dibuat oleh Y.B. Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, dan ianya mestilah diwartakan.
- 3.4.6 fi tersebut akan dibayar oleh pihak-pihak yang terlibat dalam tuntutan tersebut sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah memandangkan ianya adalah dianggap sebagai kos dalam prosiding perujukan tanah tersebut.
4. Adalah diharapkan jawapan di atas akan dapat membantu pihak Y. Bhg. Dato' dalam hal ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(RAJA AHMAD FARIDZ BIN RAJA MAZLAN)
Peguam Kanan Persekutuan
Bahagian Penasihat dan Antarabangsa
b.p. Peguam Negara
Malaysia.